

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1996/97

Oktober/November 1996

YBP 303 - Periklanan

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan LIMA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan.*

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

1. Huraikan dengan ringkas lima (5) daripada konsep-konsep berikut:

- (a) Strategi tolak dan tarik (Push and Pull Strategy)
- (b) Campuran Promosi
- (c) "Unique Selling Proposition" (USP)
- (d) Strategi pemusatan lawan kepelbagaian
- (e) Kaedah peratusan jualan (percentage of sales method)
- (f) Strategi Periklanan
- (g) ADNORMS
- (h) Premis jualan

(100 markah)

2. Sekiranya anda diarah untuk mengiklan barangan pengguna ubat gigi, bincangkan bagaimanakah anda merancang periklanannya mengikut peringkat kitar hayat produk tersebut?

(100 markah)

...2/-

3. Bagaimanakah pengetahuan dalam "Value and Life Style Systems" (VALS) membantu anda dalam segmentasi pasaran? Huraikan empat kategori VALS yang anda tahu dengan menggunakan contoh iklan yang sesuai untuk setiap kategori.

(100 markah)

4. Mengapakah "positioning" penting untuk jenama sesuatu produk? Perihalkan langkah-langkah dalam menentukan pilihan tujuh strategi "positioning" yang dibincangkan oleh David Aakers dalam bukunya *Advertising Management* untuk diaplikasikan dalam strategi pemasaran sesuatu produk.

(100 markah)

5. Landasan Kopi (copy platform) adalah pernyataan bertulis mengenai objektif dan ringkasan informasi untuk kempen periklanan sesuatu produk. Huraikan elemen-elemen yang harus terkandung dalam landasan kopi berpandukan iklan cetak yang anda ketahui.

(100 markah)

-oooOooo-